

Pastikan hubungan dengan negara jiran, kuasa ekonomi kekal kukuh

ASEAN perlu bergerak bersama sebagai satu blok besar cari penyelesaian

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan ASEAN akan terus memastikan hubungannya, terutama dengan China, Jepun, Korea Selatan dan negara-negara jiran lain kekal kukuh dan terbuka bagi melindungi ekonomi rantau ini.

Tegas Perdana Menteri lagi, ketutamaan ASEAN ialah memastikan asas ekonominya kekal kukuh dan hanya akan dapat berbuat demikian jika dapat menjamin keamanan di rantau ini.

Menurut Anwar yang juga Menteri Kewangan, keamanan bermaksud rantau ini bersahabat dengan semua negara jiran dan seperti beliau tegaskan sebelum ini, China ialah rakan yang amat penting dan tidak boleh diabaikan.

Beliau mengakui memang ada negara menghadapi masalah dengan China, tetapi ASEAN yang

Malaysia menjadi pengurusinya tahun ini, tetap berusaha mengemudi hubungan sebaik mungkin demi menjamin keamanan dan keselamatan.

"Pada masa sama, kita mahu memastikan kita dapat manfaat maksimum dari segi ekonomi, pelaburan dan bidang berkaitan. Seperti yang anda tahu, Presiden (China), Xi Jinping akan melawat Malaysia minggu depan.

"Ini satu cabaran besar, bukan sahaja untuk saya di Malaysia, tetapi juga untuk ASEAN, untuk memperlihatkan erti sebenar pemusatan. Kenapa kita perlu berhubung dengan jiran-jiran kita, kenapa pendekatan kita yang lebih positif dan pragmatik dalam menjalin hubungan dengan semua pihak itu penting.

"Mudah-mudahan, kebanyakan isu berbangkit diselesai secara baik," katanya ketika menyampaikan ucapan penutup pada Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN Ke-12, di sini semalam.

Anwar berkata, pendirian ASEAN adalah jelas, iaitu menyokong perdagangan bebas dan berpandukan sistem yang berasaskan peraturan seperti perjanjian dalam rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Perjanjian Umum mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) sejak beberapa dekad lalu.

"Jadi, saya tidak fikir ada masalah di situ. Saya juga amat gem-



Anwar menyampaikan ucapan penutup pada Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN Ke-12 di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (kiri) dan Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour.
(Foto bernama)

bira apabila berinteraksi dengan semua pemimpin ASEAN, sudah tentu setiap negara ada keutamaan dan tindakan tersendiri.

"Tetapi saya berbesar hati apabila semua pemimpin menyatakan bahawa ASEAN mesti bekerjasama dan tampil dengan pendirian lebih padu dan jelas, dalam kalangan kita dan dalam hubungan kita dengan pihak luar, termasuk dengan Amerika Syarikat (AS)," katanya.

Perdana Menteri berkata, tiada guna merungut mengenai masalah yang tidak dapat diselesaikan dengan mudah.

"Masalah di AS bukanlah sesuatu boleh kita selesaikan dengan mudah, tetapi perdagangan intra-ASEAN, inisiatif intra-ASE-

AN, kastam dan pelaburan, perkara ini kita boleh selesaikan dan saya rasa kita perlu melakukannya lebih pantas," katanya.

Ketika ditemui media di luar mesyuarat berkenaan, Perdana Menteri berkata, ASEAN perlu bergerak secara bersama sebagai satu blok ekonomi yang besar untuk mencari penyelesaian dalam kemelut tarif ketika ini.

Katanya, negara anggota blok itu sentiasa terbuka untuk melakukan pelarasan atau pembetulan jika terdapat keperluan berbuat demikian dalam isu tarif timbal balas oleh AS itu, malah ASEAN sudah tentu menyokong perdagangan bebas melalui mekanisme seperti WTO.

"Jika ada keperluan untuk melakukan pelarasan atau pembetulan, kita sentiasa terbuka un-

tuk melakukannya. Oleh itu, kita semua, tanpa pengecualian, menyuarakan rasa tidak setuju dan tidak puas hati terhadap keputusan unilateral oleh AS ini.

"Walaupun begitu, saya pernah tegaskan bahawa kita tidak seharusnya mengamalkan *megaphone diplomacy*, penyelesaian seharusnya melalui pembabitian yang lebih efektif secara bersama sebagai ASEAN," katanya.

Berharap isu tarif dapat diselesaikan secara baik, beliau berkata, hubungan dengan negara jiran lain, termasuk China akan terus berjalan.

"Kita menanti-nantikan lawatan Presiden Xi Jinping minggu depan dan saya tentunya beri penghormatan penuh kepada beliau sebagai rakan dagang dan perniagaan penting," katanya.